

1. Latar Belakang Jabatan

1.1 Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan melalui pengwujudkan jawatan Akauntan Negara di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Mengikut rekod jabatan, jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh Encik G.G.T. Browne dalam tahun 1946. Sehingga kini JANM telah diterajui oleh seramai 14 orang Akauntan Negara. Pada tahun 1967 kepimpinan JANM telah diambil alih oleh seorang anak tempatan. Senarai nama Akauntan Negara dari tahun 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

- i. Encik G.G.T. Browne (1946),
- ii. Encik E.A. Joy (1947 hingga 1949 dan 1951 hingga 1952),
- iii. Encik J.H. Newbigging (Pemangku Akauntan Negara pada 1950; Akauntan Negara dari 1953 hingga 1955),
- iv. Encik C.E. Gascoigne (1956 hingga 1957),
- v. Encik H.C. Roberts (1958 hingga 1962),
- vi. Encik Mohammad Raslan (Pemangku Akauntan Negara pada 1963),
- vii. Encik D. Mortimer (1964 hingga 1966),
- viii. Y. Bhg. Dato' Shamsir bin Omar (1 November 1980 hingga 6 Julai 1989),
- ix. Encik Zainul Abidin bin Yahya (menjalankan tugas dari 7 Julai 1989 hingga 31 Mei 1990),
- x. Y. M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim (1 Jun 1990 hingga 30 Mac 1993),
- xi. Y. Bhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali (1 Mei 1994 hingga 27 Oktober 2000),

- xii. Y. Bhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman (24 Oktober 2000 hingga 24 Oktober 2003),
- xiii. Y. Bhg Dato' Othman bin Abdullah (20 Oktober 2003 hingga 21 Mac 2005),
- xiv. Y. Bhg Dato' Mohd Salleh bin Mahmud (21 Mac 2005 hingga kini).

1.2 Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan sejajar dengan perubahan yang berlaku kepada sektor awam. Berasal dari satu bahagian yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka / Jalan Tun Perak (Mountbatten Road) di Kuala Lumpur yang kemudiannya berpindah ke Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, dan seterusnya berpindah ke Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Kini JANM telah berpusat di Putrajaya.

1.3 Selaras dengan matlamat JANM yang mengutamakan pelanggan, memberikan perkhidmatan yang efisien dan selesa kepada pelanggan, JANM kini telah berkembang di mana terdapat sebanyak 25 Pejabat Negeri dan Cawangan serta 10 Pejabat Mengakaun Sendiri (JMS) di seluruh Malaysia.

2. Visi Jabatan

2.1 Visi JANM adalah untuk menjadi

“sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam”

3. Misi Jabatan

3.1 Misi JANM adalah

- Mereka bentuk, membangun dan melaksanakan sistem perakaunan kerajaan yang terbaik.
- Memberi khidmat nasihat dan meluluskan sistem perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik.
- Menasihati pembuat keputusan berkaitan perakaunan dan kewangan.
- Memajukan kerjaya dan mempertingkatkan kompetensi sumber manusia dalam perkhidmatan perakaunan.
- Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

4. Objektif Jabatan

4.1 Objektif JANM adalah

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu Kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

5. Objektif Latihan

- 5.1 Objektif utama latihan JANM adalah untuk memastikan setiap anggota perkhidmatan perakaunan dan anggota gunasama yang dilantik oleh JANM melengkapkan diri dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian melalui program latihan yang terancang.

- 5.2 Objektif latihan JANM adalah untuk
- Membolehkan anggota perkhidmatan perakaunan mencapai hasil kerja yang berkualiti dan bermutu tinggi.
 - Menyediakan anggota yang berkebolehan dan berkompentensi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.
 - Meningkatkan tahap kompetensi dan produktiviti anggota.
 - Memupuk nilai-nilai murni dan sikap positif di kalangan anggota.
 - Meningkatkan kemahiran, kebolehan, dan pembangunan diri anggota.
 - Memberi pendedahan pelbagai ide dan pengalaman.

6. Strategi Latihan

- 6.1 Strategi latihan JANM adalah dirancang berteraskan keperluan pembangunan kompetensi setiap jawatan di samping mengambilkira proses pembelajaran berterusan.
- 6.2 Perancangan latihan dibuat dengan mengambilkira keperluan latihan semua anggota perkhidmatan perakaunan dan juga perkhidmatan gunasama yang dilantik oleh JANM.
- 6.3 Latihan akan dilaksanakan melalui kursus sama ada oleh institut latihan awam ataupun oleh syarikat swasta di dalam dan di luar negeri, seminar, bengkel, dan juga latihan semasa bekerja yang menyumbang kepada pembangunan individu dan organisasi.

7. Pelaksanaan Latihan

- 7.1 Pelaksanaan latihan di JANM telah dirancang sebaiknya untuk semua peringkat jawatan melalui Pelan Latihan JANM di mana aspek-aspek pendedahan, penerapan, pembangunan dan peningkatan serta pengukuhan kompetensi bagi setiap peringkat jawatan telah diambilkira.

- 7.2 Pemantauan pelaksanaan Pelan Latihan ini akan dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005.